

RINGKASAN EKSEKUTIF

<u>KERTAS CADANGAN</u>	:	PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI MELANTIK PERUNDING GEOTEKNIK DAN JURUTERA STRUKTUR, MEMBAIK PULIH STRUKTUR TANAH, MEMBAIKI SALIRAN LONGKANG DAN KERETAKAN BANGUNAN, MEMBINA SEMULA PAGAR BAHARU SERTA MENGECAT BANGUNAN MPC SARAWAK.
<u>TARIKH</u>	:	SEPTEMBER 2020
<u>TEMPAT</u>	:	MPC WILAYAH SARAWAK
<u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u>	:	RM 1,962,150.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN KHAS: KERJA-KERJA KECEMASAN)
<u>WILAYAH</u>	:	PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)
<u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>	:	
<u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>	:	 (WAN NURHANI WAN KHALID)
<u>KOMEN</u>	:	
<u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>	:	 (MAHADI HASBULLAH)
<u>JUSTIFIKASI</u>	:	- Memastikan keselamatan warga, kakitangan lain yang berkhidmat dan pelanggan yang berada di kawasan MPC Sarawak berada dalam keadaan selamat. - Membaik pulih struktur tanah perlu dilaksanakan agar tidak memberi kesan yang lebih teruk pada masa akan datang dan meningkatkan kos pembaikan.

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

KERTAS CADANGAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH MPC WILAYAH SARAWAK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur, membaiki pulih struktur tanah, membaiki saliran longkang dan keretakan bangunan, membina semula pagar baharu serta mengecat bangunan MPC Sarawak menggunakan peruntukan tambahan khas: kerja-kerja kecemasan.

2.0 LATAR BELAKANG DAN HASIL SIASATAN

- 2.1 MPC Sarawak terletak di Demak Laut pada keluasan tanah 13.2 ekar. Dibina pada tahun 1996 diatas kawasan paya nipah. Terdiri daripada 3 bangunan utama iaitu Blok Pentadbiran, Blok Latihan dan Dewan.
- 2.2 Laporan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan oleh Jabatan Kerja Raya (cawangan aset bangunan) pada tahun 2016 di MPC Sarawak, mendapati bahawa keretakan dikawasan parameter longkang bangunan, dinding luar bersebelahan *walkway*, ruang pejalan kaki dan tangga luar adalah disebabkan mendapan tanah.
- 2.3 Hasil siasatan pada 23 Julai 2020 daripada Prof. Ir. Dr. Ramli Nazir, pakar geotananah dan struktur tanah di MPC Sarawak mengesahkan keretakan yang berlaku telah merebak pada magnitud yang lebih besar disebabkan mendapan tanah.
- 2.4 Tambakan tanah asal yang tidak mengikut standard yang disyorkan oleh JKR mengakibatkan struktur tanah tidak sekata dan membentuk kolam terutama tanah di kawasan lapang.
- 2.5 Terdapat 3 komponen pembaikan utama yang perlu dilakukan iaitu kerja-kerja pembaikan lantai susur, pembaikan longkang dan pembaikan kawasan lapang dan pagar. Bagi pembaikan pagar, dicadangkan agar membina asas cetek untuk tiang pagar dan rasuk tetulang pada bahagian jaringan pagar, manakala pembaikan kawasan lapang dicadangkan untuk memasang '*smart drainage system*' di kawasan padang berserta dengan *collector drain* untuk merendahkan paras air bumi dan menyalir keluar air ke longkang besar.

- 2.6 Selain aktiviti pembaikan utama, bangunan utama (pentadbiran) perlu dicat semula kerana terdapat retakan pada dinding dan tiang yang perlu dibaiki.
- 2.7 Gambar mendapan tanah, kerosakan pagar dan keretakan bangunan adalah seperti **Lampiran A**.
- 2.8 Jadual perancangan aktiviti pembaikan tanah, pagar dan keretakan adalah serta spesifikasi awal pembaikan seperti di **Lampiran B**.

3.0 JUSTIFIKASI / FAEDAH-FAEDAH

- 3.1 Tanah di MPC Sarawak yang mendap telah menyebabkan struktur bangunan MPC Sarawak bergerak dan mengakibatkan keretakan kepada struktur bangunan dan telah meruntuhkan pagar MPC.
- 3.2 Pemendapan tanah telah menyebabkan aktiviti luar (*outdoor*) seperti *teambuilding* dan riadah tidak lagi boleh dilaksanakan. Atas faktor keselamatan pelanggan MPC semua program *teambuilding* telah dibekukan sehingga keadaan selamat.
- 3.3 Mendapan tanah juga menjejaskan peluang untuk menambah pendapatan melalui sewaan tanah dan imej MPC Sarawak. Selain itu, ianya juga telah menyukarkan kerja-kerja lanskap dan pemotongan rumput akibat daripada mendapan tanah.
- 3.4 Pembaikan perlu dilakukan segera agar struktur dan utiliti tidak menjadi lebih teruk pada masa akan datang. Selain itu, kerja pembaikan ini dapat mengawal air bawah tanah supaya kesan enapan boleh dilambatkan serta merendahkan jumlah keseluruhan magnitud enapan.
- 3.5 Disamping itu, kelewatan untuk membaiki struktur bangunan yang rosak akan mengakibatkan kos pembaikan meningkat. Malah, keretakan pada dinding bangunan akan menjejaskan perkhidmatan MPC Sarawak.
- 3.6 Pembaikan pagar juga dapat memastikan segala kemudahan di pejabat MPC Wilayah Sarawak sentiasa terkawal dan terjaga sepanjang masa. Berdasarkan laporan dari pengawal keselamatan MPC mendapati terdapat cubaan daripada pihak luar untuk memasuki perkarangan MPC dan mengambil harta benda milik MPC namun gagal. Selain itu, anjing liar juga dilihat kerap memasuki kawasan MPC yang mana dikhuatiri akan mengganggu keselesaan dan keselamatan warga dan pelawat ke pejabat.

3.7 Langkah pencegahan awal agar keselamatan warga, kakitangan lain yang berkhidmat di bangunan dan pelawat ke MPC Wilayah Sarawak berada dalam keadaan selamat

4.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

- 4.1 Anggaran kos berkaitan pembaikan yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan sebutharga yang diterima daripada beberapa kontraktor. Kos keseluruhan pembaikan termasuk perlantikan perunding geoteknik dan jurutera struktur dianggarkan berjumlah **RM 1,962,150**. Pecahan kos adalah seperti **Lampiran C**.
- 4.2 Kaedah pemilihan kontraktor pembaikan akan dibuat mengikut empat skop kerja pembaikan utama iaitu pembaikan keretakan struktur (longkang dan *pathway*), pembaikan tanah di kawasan lapang, pembinaan semula struktur pagar dan mengecat bangunan. Pemilihan kontraktor juga adalah berdasarkan tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh MPC.

5.0 CADANGAN / SYOR

- 5.1 MPC Wilayah Sarawak memohon Lembaga Pengurusan MPC untuk meluluskan peruntukan bagi pembaikan lantai susur dan pembaikan saliran longkang, pembaikan kawasan lapang, pagar dan mengecat bangunan yang perlu dibaiki di MPC Sarawak dengan kos sebanyak **RM1,962,1500**.

Disediakan oleh:



Hafiza Atha Ahmad
Pengurus
MPC Sarawak
08 September 2020

Disemak oleh:



Semawi Zakaria
Pengurus Kanan
MPC Sarawak
08 September 2020

Disahkan oleh:



Sarimah Misman
Pengarah
MPC Sarawak
08 September 2020

LAMPIRAN A

GAMBAR MENDAPAN TANAH DI PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK




GAMBAR KEROSAKAN PAGAR PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK



**Gambar yang diambil merupakan sample dari keseluruhan bahagian yang telah mengalami kerosakan*

GAMBAR KERETAKAN DI KAWASAN DAN BANGUNAN MPC WILAYAH SARAWAK




LAMPIRAN B

SPESIFIKASI DAN JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI PEMBAIKAN TANAH, MEMBINA SEMULA STRUKTUR PAGAR, MEMBAIKI KERETAKAN DAN MENGECAT BANGUNAN MPC SARAWAK


SPESIFIKASI TUGASAN PEMBAIKAN
1) Melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur • Untuk menjalankan <i>site investigation</i>. • Memberikan nasihat pembaikan keseluruhan (tanah, saluran air, pagar, dan keretakan). • Untuk memberi cadangan dan menyediakan konsep pembaikan yang bersesuaian. • Merekabentuk saluran bawah tanah. 2) Membaik pulih tanah dan menambak tanah • Pembersihan kawasan tanah. • Membaikpulih struktur tanah dan membina saluran air bawah tanah (open field drainage systems – fishbone) termasuk kawasan tadahan air. • Membekalkan bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membaik pulih tanah dan menambak tanah. • Membaikpulih struktur tanah akan mengikut konsep pembaikan dan keluasan baikpulih struktur tanah. 3) Membina semula struktur pagar • Membersihkan stuktur pagar lama dan membuang stuktur lama daripada kawasan (<i>clearing site</i>) • Membina asas cetek untuk tiang pagar dan rasuk tetulang (<i>reinforce beam</i>) pada bahagian jaringan pagar • Membekalkan pagar anti-theft (<i>Hot Dip Galvanized Versatile Fence – V Series</i>) • Mengecat dinding pagar • Membersihkan kawasan selepas pemasangan pagar 4) Membaiki keretakan di longkang dan bangunan • Membina semula sistem perimeter longkang dengan pemasangan besi tetulang • Membina <i>skirting slab</i> pada sekeliling kaki bangunan • Menyambung semula lantai secara ikatan pada tetulang <i>suspended slab</i> 5) Mengecat bangunan utama (blok pentadbiran) • Membersihkan dinding dan kupas cat lama • Membekalkan cat yang bersesuaian • Mengecat bangunan (buruh dan peralatan) • Menampal struktur dinding yang retak dengan simen sebelum di cat.

-Spesifikasi adalah berdasarkan anggaran sebutharga awal yang dibuat semasa pemerhatian kontraktor luar yang dipanggil MPC. Spesifikasi akan berubah mengikut cadangan dan konsep pembaikan daripada perunding geoteknik dan jurutera struktur.

JADUAL PERANCANGAN MENAMBAK TANAH DAN BAIKPULIH KERETAKAN



JADUAL PERANCANGAN BAIKPULIH PAGAR



- Kaedah, jenis bahan dan kos pemasangan merupakan anggaran awal yang dibuat semasa pemerhatian kontraktor luar yang dipanggil MPC.

LAMPIRAN C

**ANGGARAN PERBELANJAAN
PERKHIDMATAN PERUNDINGAN, AKTIVITI PEMBAIKAN TANAH, MEMBINA
SEMULA STRUKTUR PAGAR, MEMBAIKI KERETAKAN DAN MENGECAT
BANGUNAN MPC SARAWAK**

	PERKARA	KOS (RM)
1.	Melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur	200,000.00
2.	Membaikpulih struktur tanah dengan saliran air bawah tanah	697,958.00**
3.	Membaiki saliran longkang dan keretakan bangunan	287,500.00
4.	Membinasemula struktur pagar MPC dan memasang pagar anti-theft	727,692.00
5.	Mengecat bangunan utama (blok pentadbiran)	49,000.00
	Jumlah	1,962,150

-Anggaran kos adalah merupakan anggaran awal yang dibuat semasa pemerhatian kontraktor luar yang dipanggil MPC.

***Kos membaikpulih struktur tanah akan mengikut konsep pembaikan dan keluasan baikpulih struktur tanah*